

UCAPAN BAJET TAHUN 2007 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. PENDAHULUAN

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin-Nya dapat saya membentangkan Bajet 2007 pada hari ini. Tema Bajet 2007 ialah 'Pembangunan Teras Kemakmuran'.
2. Tema ini dipilih sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan penekanan adalah diberi kepada isu-isu keselesaan dan keselamatan warga kota terutamanya di dalam penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat dan infrastruktur. Pelaksanaan aspek-aspek ini akan menjana persekitaran pembangunan bandar dan membantu untuk menggalakkan sektor pelancongan di Kuala Lumpur.
3. Bajet 2007 adalah bajet tahun kedua selepas kerajaan meluluskan Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Bagi tujuan ini, DBKL akan terus berusaha mewujudkan suasana hidup yang berkualiti, selesa, makmur dan selamat bagi semua golongan wargakota dalam melaksanakan hasrat ini.

2. BAJET 2007

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

4. Bagi tahun 2007, DBKL dijangka akan membelanjakan sejumlah RM2,194,434,250 (RM2.19 bilion) berbanding RM2,007,141,670 (RM2.00 bilion) dalam tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 9.33%.
5. Dari jumlah bajet 2007, sejumlah RM 1,152,436,250 (RM1.15 bilion) bersamaan 52.52% adalah untuk bajet mengurus dan sejumlah RM1,041,998,020 (RM1.04 bilion) bersamaan 47.48% adalah untuk bajet pembangunan.
6. Bajet pembangunan akan dibiayai melalui peruntukan DBKL sendiri iaitu sejumlah RM 650.30 juta bersamaan 62.40% dan bantuan dari Kerajaan Pusat sebanyak RM 391.70 juta bersamaan 37.60%.

3. BAJET MENGURUS

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

7. DBKL memberi keutamaan kepada usaha-usaha ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Kuala Lumpur. Bagi tujuan ini, DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM 265.66 juta bersamaan 23.05% untuk meningkatkan perkhidmatan perbandaran kepada wargakota seperti kerja-kerja pembersihan, penyediaan dan pengurusan pasar, pengurusan peniaga kecil serta kesihatan.
8. Penyelenggaraan jalan dan pengurusan lalulintas diperuntukkan sebanyak RM 158.90 juta bersamaan 13.79%. Pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam sebanyak RM 162.67 juta bersamaan 14.12%. Kerja-kerja menyelenggara dan meningkatkan landskap sebanyak RM 128.57 juta bersamaan 11.16%.
9. Manakala perbelanjaan emolumen adalah sebanyak RM 377.79 juta berbanding RM 340.24 juta dalam tahun 2006. Peningkatan sebanyak RM 37.55 juta adalah disebabkan pertambahan bilangan kakitangan. Pertambahan bilangan kakitangan adalah perlu kerana tugas dan tanggungjawab DBKL yang semakin meningkat terutama dengan siapnya beberapa projek seperti dewan, Projek Perumahan Rakyat, pasar dan pusat komuniti. Disamping itu, DBKL menggunakan pekililing kerajaan didalam membayar pelbagai elaun kepada kakitangannya.

4. BAJET PEMBANGUNAN

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

10. Daripada anggaran peruntukkan bajet pembangunan RM1,042.00 juta, sebanyak RM 234.99 juta bersamaan 22.55% telah diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan sosial dan masyarakat, pembinaan pasar dan pusat penjaja serta penyediaan kemudahan sukan seperti futsal.

11. DBKL juga telah memperuntukkan sejumlah RM 564.33 juta bersamaan 54.16% bagi tujuan menaiktaraf sistem pengurusan pengangkutan awam, kerja-kerja jalanraya dan juga penyediaan tempat letak kereta seperti di stesen-stesen LRT serta kawasan perumahan awam.

12. Kerja-kerja perparitan melibatkan peruntukan sejumlah RM 78.50 juta bersamaan 7.53%. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja penyelenggaraan sungai, mempertingkatkan sistem perparitan, kolam takungan banjir dan pengurusan air larian hujan.

5. HASIL

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

13. Anggaran hasil bagi tahun 2007 berjumlah RM 1,125.88 juta berbanding dengan tahun 2006 sebanyak RM 1,025.80 juta. Ini merupakan peningkatan hasil sebanyak RM 100.08 juta.

14. Daripada anggaran hasil sebanyak RM 1,125.88 juta, sejumlah RM 670.18 juta bersamaan 59.53 % adalah dari hasil cukai pintu, anggaran hasil bukan cukai sebanyak RM 346.93 juta bersamaan 30.81% dan terimaan bukan hasil sebanyak RM 108.77 juta bersamaan 9.66%.

15. Berdasarkan hasil yang diterima dalam tahun 2007, DBKL dijangka akan mengalami bajet defisit sebanyak RM 31.56 juta bersamaan 2.80%. Walaubagaimanapun defisit ini akan dibiayai oleh rezab simpanan yang terkumpul.

16. Disamping itu, DBKL akan mengambil langkah-langkah kawalan kewangan yang baik kepada sumber-sumber yang sediada dan melaksanakan perbelanjaan secara berhemah.

17. DBKL juga akan menampung kos perbelanjaan pengurusan dan pembangunan tanpa membebankan wargakota. Bagi tujuan ini, DBKL tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai pintu untuk tahun 2007.

6. MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK MENJANA EKONOMI BANDAR DAN KESELESAAN WARGAKOTA

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

18. DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM 73.50 juta bagi tujuan untuk membina 7 jalan sambungan (Missing Link). Pembinaan jalan sambungan ini akan menjimatkan masa perjalanan dan menyediakan sistem aliran lalulintas yang lebih efisien.

19. Terdapat 7 persimpangan bertingkat akan dilaksanakan dalam tahun 2007 dengan peruntukkan RM 70.00 juta. Daripada jumlah ini, 3 projek sedang dibina iaitu di Persimpangan Bertingkat Pasar Borong, Persimpangan Bertingkat Jalan Cheras/ Jalan Keluar Masuk ke Taman Len Seng dan Persimpangan Bertingkat di Persimpangan Jalan Cheras/Taman Segar /Taman Taynton. Manakala 4 projek lagi akan dilaksanakan dalam tahun 2007 iaitu Persimpangan Bertingkat di Jalan Kepong /Jalan Metro Prima di Jalan Kepong, membina Persimpangan Bertingkat di Jalan Tun Razak /Jalan Pudu /Jalan Chan Sow Lin dan Persimpangan Bertingkat di Jalan Ampang /Jalan Jelatek, Kuala Lumpur.

20. DBKL juga akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan mempertingkatkan jalanraya sediada. Sejumlah RM 143.50 juta telah di peruntukkan bagi maksud ini. Kerja-kerja yang terlibat adalah untuk mempertingkatkan persimpangan, menaiktaraf bulatan serta menaiktaraf jalan dari satu lorong ke dua lorong.

21. Pembinaan jambatan juga diberi tempat dalam bajet 2007 dengan peruntukan sebanyak RM 4.5 juta. Ini melibatkan antaranya pembinaan jambatan yang menyeberangi Sungai Gombak dari Jalan Raja Laut /Jalan Dang Wangi. Dalam tahun 2007, peruntukan sebanyak RM 2.0 juta disediakan untuk tujuan perancangan awal projek ini.

22. Di samping itu, pembangunan kampung tradisi dan kampung-kampung baru juga turut diberi perhatian. Sebanyak RM 14.50 juta diperuntukkan bagi tujuan pelebaran jalan, mempertingkatkan sistem perparitan serta menurap jalan-jalan yang rosak. Dengan cara ini, ianya dapat meningkatkan imej di kawasan berkenaan. Secara tidak langsung nilai tanah di kawasan ini juga akan dapat di tingkatkan kepada nilai yang lebih baik.

23. DBKL prihatin ke atas penyelenggaraan sungai-sungai di sekitar Kuala Lumpur. DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM 36.0 juta bagi menjalankan kerja-kerja pengorekan kelodak, pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah, membaiki tebing-tebing sungai, pembersihan tebing-tebing kawasan rezab sungai dan penyelenggaraan kolam takungan.

24. Di samping itu, sebanyak RM 20.5 juta adalah diperuntukkan untuk mempertingkatkan "pudu cut drain", kerja-kerja pengindahan dan pembinaan perparitan baru di kawasan perumahan. Manakala kerja-kerja pemasangan kalbat dan mempertingkatkan kekuatan struktur kalbat diperuntukkan sejumlah RM 5.5 juta.

25. Sebagai usaha-usaha mencegah banjir, DBKL memperuntukkan sebanyak RM 16.5 juta bagi menjalankan kerja-kerja mendalam dan pembinaan kolam takungan banjir seperti di Kampung Cheras Baru.

26. DBKL juga telah memperuntukkan sebanyak RM 3.0 juta untuk pemasangan perangkap sampah jenis 'Gross Polluten Traps' (GPT). Tujuannya adalah untuk merawat air yang mengalir ke sungai supaya bertambah bersih dan dapat meningkatkan akuatik di dalam sungai-sungai sedia ada di Kuala Lumpur.

7. MENINGKATKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KE ARAH PEWUJUDAN PERSEKITARAN BANDAR YANG BERKUALITI

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

27. DBKL memberi keutamaan kepada kerja-kerja penyelenggaraan ke atas taman-taman awam, tandas awam, pasar, makmal, stadium, kompleks sukan, terowong dan kemudahan infrastruktur. Sejumlah RM 156.75 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

28. DBKL menitikberatkan penyelenggaraan ke atas semua aset, bangunan dan kemudahan infrastruktur bagi tujuan memberi keselesaan dan kesejahteraan wargakota. Disamping itu, untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang kemas, bersih dan indah di rantau ini.

8. PENYEDIAAN KEMUDAHAN SOKONGAN UNTUK KESELESAAN DAN KESELAMATAN PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA DAN PENGANGKUTAN AWAM

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

29. Pengangkutan Awam merupakan kaedah pengangkutan utama kepada masyarakat, DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM 11.75 juta untuk menyediakan pelbagai kemudahan seperti ruang menunggu bas dan teksi, kemudahan menunggu bas sekolah, membina lorong bas khas dan membina jejantas pejalan kaki berbumbung yang akan memberi keselesaan kepada wargakota.

30. Pengangkutan rel kian menjadi lebih popular di Bandaraya Kuala Lumpur. Sejumlah RM 4.0 juta diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan pejalan kaki terutama kemudahan bagi pengguna ke stesyen transit. Hentian Putra saban hari menjadi semakin sibuk dan dipenuhi penumpang-penumpang terutama di musim cuti perayaan. Sejumlah RM 2.0 juta disediakan bagi menaiktaraf hentian tersebut untuk keselesaan pengguna.

31. Bagi tujuan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan pengguna jalanraya, sejumlah RM 21.50 juta diperuntukkan bagi tujuan penyediaan "CCTV Traffic Surveillance System", pengubahsuaian sistem lampu isyarat di persimpangan

dan lintasan pejalan kaki. Bonggol juga dibina di kawasan-kawasan perumahan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan dengan peruntukkan sebanyak RM 1.0 juta.

32. DBKL juga telah memperuntukkan RM4.0 juta untuk memasang peralatan keselamatan jalanraya di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan dan merbahaya di Kuala Lumpur. Ini bertujuan bagi memberi amaran untuk berwaspada kepada pengguna jalanraya.

33. Pemasangan papan tanda dan petunjuk arah akan terus dilaksanakan dengan peruntukkan sebanyak RM 3.0 juta. Kemudahan ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada wargakota malah ia dapat membantu para pelancong untuk sampai ke sesuatu tempat dengan lebih mudah.

9. MENINGKATKAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN WARGAKOTA MELALUI PENYEDIAAN PELBAGAI KEMUDAHAN MASYARAKAT

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

34. Pusat Komuniti boleh digunakan sebagai alat untuk menyatukan wargakota yang terdiri dari pelbagai bangsa dan latar belakang. Sejumlah RM 4.80 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan 5 projek pusat komuniti dalam tahun 2007.

35. Warga kota boleh menggunakan kemudahan di pusat komuniti untuk beriadah dan menjalankan aktiviti sosial di waktu lapang. Disamping itu, banyak program-program untuk kemudahan masyarakat setempat boleh dijalankan di pusat komuniti ini seperti aktiviti kebudayaan, program motivasi, kelas bimbingan dan juga kelas tuisyen. Semua aktiviti ini dijalankan dengan tujuan untuk memberi faedah dan memajukan diri untuk semua lapisan masyarakat warga kota.

36. Faktor kesihatan juga merupakan anugerah yang tidak ternilai yang dikurniakan Ilahi. DBKL memberi keutamaan kesihatan di peringkat awal usia lagi dengan menyediakan klinik-klinik ibu mengandung dan kanak-kanak untuk pemeriksaan kesihatan. Sejumlah RM 2.0 juta disediakan untuk mewujudkan kemudahan tersebut dengan membeli lot-lot rumah kedai untuk dijadikan klinik.

37. Bagi memberi keselesaan kepada wargakota, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM7.0 juta bagi menyediakan kemudahan tandas awam disekitar kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Pada tahun 2006, DBKL akan menyiapkan 23 buah tandas awam dengan kemudahan-kemudahan moden iaitu antaranya di Jalan Bukit Bintang, Jalan P.Ramlee, Jalan Dang Wangi dan Jalan Raja Laut. DBKL akan menambahkan lagi penyediaan tandas awam iaitu dengan pembinaan sejumlah 9 unit pada tahun 2007. Ini bermakna jumlah keseluruhan tandas awam yang akan dibina oleh DBKL ialah sejumlah 32 buah.

38. Keadaan tanah perkuburan di Kuala Lumpur kian hari menjadi sesak dan sebagai alternatif untuk mengatasi masalah ini, DBKL mencadangkan untuk membina kubur integrasi kaum di Semenyih dengan peruntukan awal sebanyak RM 0.50 juta. Sejumlah RM 5.0 juta juga disediakan untuk menaiktaraf krematorium sediaada di Cheras.

39. Peruntukkan sejumlah RM 6.0 juta telah disediakan untuk membina pusat tahanan sementara di tapak yang dianggarkan seluas 10 ekar di Bukit Jalil. Pusat ini dibina kerana pusat tahanan sementara di Penjara Pudu akan diambil balik oleh pihak Urban Development Authority (UDA).

10. MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI KEARAH GAYA HIDUP SIHAT

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

40. Sejumlah RM 2.0 juta disediakan bagi menaiktaraf dan membina padang permainan bola sepak dan futsal. Bagi tujuan ini, beberapa kawasan telah dikenalpasti untuk dibangunkan pada tahun 2007 antaranya di Pudu Ulu Cheras, Pantai Hillpark dan Taman Mastiara. DBKL juga akan membina kemudahan 'Kuala Lumpur International Radio Control Circuit' di Taman Metropolitan, Kepong. Dengan penyediaan kemudahan-kemudahan ini, ia dapat memberi kemudahan beriadah kepada warga kota terutama untuk golongan remaja.

41. Di samping itu, DBKL akan mempertingkatkan penyediaan pelbagai kemudahan sukan di kompleks sukan dan pusat rekreasi sedia ada serta bercadang membina sebuah pusat komuniti untuk pelbagai aktiviti sukan di Jalan Medang Tanduk, Bangsar. Sejumlah RM 7.4 juta diperuntukkan untuk tujuan ini.

42. DBKL juga terlibat sama menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan terutama program-program pembangunan sukan untuk golongan para remaja. Dalam masa yang sama DBKL juga bekerjasama dengan lain-lain badan sukan untuk menjayakan pelbagai program seperti Kuala Lumpur Marathon. Bagi tujuan ini DBKL menyediakan peruntukan pengurusan sebanyak RM 1.0 juta.

11. MENINGKATKAN DAN MEMAJUKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI GERBANG MASUK DESTINASI PELANCONGAN

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

43. Kerajaan telah mengisytiharkan Malaysia sebagai Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2007. Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara akan menjadi pintu masuk utama untuk pelancong ke negara ini. Usaha mempromosikan Kuala Lumpur dengan slogan 'Sayangi Kuala Lumpur' serta imejnya sebagai bandaraya selamat, bersih, sejahtera dan makmur akan berupaya menggamit kehadiran pelancong luar negara dan juga pelancong tempatan.

44. DBKL akan melaksanakan dasar kerajaan untuk menggalakkan kunjungan pelancong ke negara ini. Majlis Tindakan Pelancong Kuala Lumpur telah di beri peranan menerajui usaha berkenaan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM 1.50 juta diperuntukkan untuk pengurusan pelbagai aktiviti pelancongan di Kuala Lumpur.

45. Dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan di rantau ini, banyak prasarana akan terus disediakan dan ditingkatkan. Di antara kemudahan yang akan dilaksanakan ialah seperti penukaran tiang-tiang lampu sedia ada kepada 'multi functional lighting pole' di sepanjang Jalan Sultan Ismail dan Jalan P. Ramlee. Sejumlah RM 6.60 juta adalah diperuntukkan bagi tujuan ini.

46. DBKL juga telah memperuntukkan RM 7.50 juta untuk kerja-kerja pengindahan dan menaiktaraf kawasan pejalan kaki Jalan Raja Alang/Jalan Raja Muda Musa dan memperuntukkan RM1.0 juta untuk pembinaan rangkaian pejalan kaki bersepadu yang menyambungkan Dataran Merdeka ke kawasan Chow Kit dan Kampung Baru. Rangkaian pejalan kaki yang dicadangkan adalah melalui kawasan-kawasan strategik dan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad hingga Pawagam Coleseum, Masjid India, Kg. Bharu dan seterusnya ke Chow Kit.

47. Bagi membantu para pelancong untuk mendapatkan maklumat tempat-tempat tarikan pelancongan di sekitar Kuala Lumpur, DBKL telah menyediakan beberapa 'KL-Information Kiosk' (KLIK). Ianya dibina di beberapa lokasi seperti di Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling, Central Market, KL Sentral Monorail Station dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

12. PENGURUSAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

48. Untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan produktiviti serta memberi perkhidmatan yang berkesan, DBKL akan terus berusaha untuk memantap kualiti tenaga kerja supaya mahir, berpengetahuan dan celik ICT. Bagi tujuan ini DBKL sedang mempertingkat dan memperlengkapkan sistem ICT bersepadu dalam urusan pentadbirannya.

49. DBKL telah memperuntukkan RM 9.74 juta untuk pembelian kelengkapan komputer. Jumlah ini meliputi pembelian server, workstation, software yang terkini dan lain-lain.

50. DBKL juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan ICT untuk membolehkan wargakota membuat aduan awam secara on-line dan menyediakan kemudahan e-perolehan di mana memudahkan penender mengambil bahagian di dalam urusan tender.

13. PENUTUP

Y. Bhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

51. Untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang selesa, makmur dan sejahtera, penglibatan warga kota itu sendiri perlu dipertingkatkan selaras dengan pembangunan yang dirancang oleh DBKL.

52. Justeru itu, semua warga kota haruslah memikul tanggungjawab ini bersama-sama dan bergerak seiring serta berusaha dengan lebih gigih lagi bagi menjayakan dan merealisasikan cita-cita murni ini. Sehingga kini sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai pihak amat baik dan memberangsangkan.

53. Saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan, pemimpin masyarakat, badan-badan sukarela, persatuan-persatuan penduduk, badan korporat dan profesional, pihak media yang prihatin, melapor dan memberi maklumbalas yang positif untuk sama-sama memajukan Kuala Lumpur. Kerjasama seperti ini diharap dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi dimasa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

